

Tidak ada pihak terjejas

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tidak ada bahagian Bumiputera yang terjejas berikutan penswastan kerana ia hanya dilaksanakan selepas kewujudan badan Bumiputera yang mampu membeli saham, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setakat ini, katanya, bahagian Bumiputera tidak terjejas berikutan penswastan, walaupun peningkatannya terjejas sedikit kerana ada individu Bumiputera, termasuk pekerja yang mencari keuntungan cepat dengan menjual saham mereka.

"Sebenarnya, cadangan

BN 11 JAN 1992



**KONGRES
EKONOMI BUMIPUTERA KE-3
JANUARI 1992**

penswastan hanya dibuat setelah badan kepentingan Bumiputera, umpamanya Permodalan Nasional Berhad (PNB), sudah mencukupi

dan berkemampuan," katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Malah, beliau berkata, banyak peluang dan pengalaman dalam bidang pengurusan dan perniagaan diperolehi Bumiputera yang turut membuktikan kebolehan mereka melalui penswastan.

Perdana Menteri berkata, pihak tertentu yang melihat kelemahan Bumiputera mendakwa kononnya ada kemungkinan penswastan akan menambah bahagian

Bumiputera dan menjejaskan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Sehubungan itu, beliau menjelaskan, kerajaan akan meneruskan proses penswastan yang jelas membawa lebih banyak kebaikan, terutama dalam keadaan kerajaan tidak mampu menanggung beban pembiayaan kemudahan awam yang selalu rugi.

"Penswastan sebenarnya sudah menolong proses pembangunan yang diperlukan untuk menjayakan DEB, dan diyakini dapat menjayakan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)," katanya.